

TARIKH	2 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	3	RUANGAN	Olm Negeri

## **Malaysia berharap kuota tidak dikurang**

IPOH 1 Jun - Malaysia berharap kerajaan Arab Saudi tidak akan mengurangkan kuota jemaah haji negara ini tahun ini, berikutan terdapat 930,000 rakyat sedang menunggu untuk mengerjakan Rukun Islam kelima itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Johari berkata, bagi tujuan itu Malaysia menerusi Lembaga Tabung Haji akan menyampaikan surat kepada Arab Saudi dalam masa terdekat memohon agar amalan sedia ada diteruskan.

“Saya harap tak ada gangguan langsung terhadap penyusunan (kuota) pada sepanjang tahun ini dan akan datang. Jika berlaku pengurangan ia (senarai) akan tersekat dan berlaku pertambahan kepada senarai yang sedang menunggu,” katanya kepada pemberita, selepas Seminar Wasatiyyah dan Gagasan 1Malaysia, di sini hari ini. - BERNAMA